

NOTA TEKNIKAL
TECHNICAL NOTES

LAPORAN SURVEI

**PERBELANJAAN
ISI RUMAH**

HOUSEHOLD EXPENDITURE SURVEY REPORT

2022

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

1. PENGENALAN

Statistik yang diterbitkan dalam laporan ini adalah hasil dapatan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) 2022 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Bermula tahun 2016, survei ini dijalankan dua kali dalam tempoh lima tahun. Laporan ini menyediakan statistik perbelanjaan bagi keseluruhan isi rumah di Malaysia. Nota teknikal ini merangkumi penerangan terperinci bagi membantu pengguna untuk memahami dengan lebih jelas berkaitan HES 2022.

2. OBJEKTIF SURVEI

Objektif utama survei adalah seperti berikut:

- i. Mengumpul maklumat tentang paras dan corak perbelanjaan penggunaan oleh Isi Rumah (IR) ke atas pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan;
- ii. Merupakan asas bagi menentukan jenis barangan dan perkhidmatan yang akan dimasukkan ke dalam bakul Indeks Harga Pengguna (IHP); dan
- iii. Digunakan untuk mengemaskini wajaran IHP di mana IHP merupakan pengukur kepada kadar perubahan purata harga bagi sekumpulan barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak perbelanjaan IR di Malaysia.

3. KAEDAH PENGUMPULAN DATA

- 3.1 Survei ini menggunakan kaedah temu ramah bersemuka dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Dalam tempoh survei, penemuramah yang dilatih akan melawat IR di Tempat Kediaman (TK) terpilih bagi mengumpul maklumat berkaitan demografi ahli isi rumah dan maklumat terperinci berkaitan pendapatan dan perbelanjaan mengikut klasifikasi barangan dan perkhidmatan.
- 3.2 Semakan kualiti data akan dibuat oleh pegawai berpengalaman dari DOSM Negeri bagi mengesan dan membetulkan sebarang kesilapan atau maklumat yang tertinggal ketika survei dilaksanakan. Proses semakan semula di lapangan juga dilaksanakan bagi IR terpilih untuk memastikan kualiti pungutan data.

4. TEMPOH RUJUKAN

Data perbelanjaan IR dipungut bagi dua tempoh rujukan. Tempoh rujukan pertama ialah selama sebulan merujuk kepada perbelanjaan harian yang dilakukan oleh IR bermula hari pertama hingga hari terakhir bulan berkenaan. Tempoh rujukan kedua ialah bagi barangan yang tidak kerap dibeli seperti barang tahan lama dan item terpilih yang mana tempoh rujukan dikira bagi 11 bulan yang lalu.

Sebagai contoh, sekiranya bulan survei adalah Disember 2022, maka tempoh rujukan sebulan IR yang dikira adalah dari 1 Disember 2022 sehingga 31 Disember 2022 manakala bagi tempoh rujukan kedua ialah dari 1 Januari 2022 sehingga 30 November 2022.

5. SKOP DAN LIPUTAN

- 5.1 Pemilihan sampel bagi survei ini telah mengambil kira kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar dalam daerah pentadbiran bagi semua negeri di Malaysia.
- 5.2 Survei ini meliputi IR yang tinggal di TK persendirian dan **tidak termasuk** mereka yang tinggal di TK institusi seperti asrama, hotel, hospital, rumah orang tua, penjara, rumah kebajikan, rumah tumpangan dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

6. KONSEP DAN DEFINISI

6.1 Perbelanjaan Isi Rumah

Definisi perbelanjaan isi rumah yang diguna pakai adalah mengikut konsep dan garis panduan *System of National Accounts, 2008* oleh *United Nations* dan *Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013* oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*. Perbelanjaan IR ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu **perbelanjaan penggunaan** dan **perbelanjaan bukan penggunaan**.

i. Perbelanjaan penggunaan isi rumah

Perbelanjaan penggunaan IR adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk:

- Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut;

- Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk mata benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan;
- Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan
- Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.

ii) **Perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah**

Perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah adalah merujuk kepada perbelanjaan berikut:

- Pembayaran yang dikenakan kepada pembayar ke atas perkhidmatan yang tidak dapat dikenalpasti dan bertujuan untuk menambah hasil kerajaan;
- Pembayaran yang tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan perolehan perkhidmatan yang diterima (misalnya yuran keahlian, hadiah, pemberian kepada derma amal/ badan agama).

Contoh perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah ialah:

- Cukai pendapatan dan cukai langsung lain seperti zakat, fitrah dan cukai jalan;
- Pencaruman keselamatan sosial dari majikan dan pekerja iaitu KWSP dan PERKESO;
- Bayaran ganti rugi;
- Bayaran wajib dan denda seperti bayaran membuat pasport, bayaran ujian memandu dan denda untuk kesalahan trafik;
- Pemberian kepada badan amal/ badan agama;
- Yuran keahlian kelab;

- vii. Pemberian kepada IR lain;
- viii. Bayaran nafkah; dan
- ix. Hadiah berupa wang tunai dan mata benda.

Selain itu, survei ini juga meliputi simpanan wang, amaun yang dilabur atau dipinjam dan pembayaran balik pinjaman termasuk pinjaman perumahan, kerugian perjudian, pemberian tunai dan derma. Walaupun ini adalah di luar daripada konsep perbelanjaan, maklumat ini adalah sebahagian daripada survei perbelanjaan dan perlu diliputi. Tujuannya ialah untuk mendapatkan rekod akaun IR yang lengkap dan juga membantu dalam keseimbangan secara kasar antara pendapatan dan penerimaan lain dengan perbelanjaan dan pembayaran lain dalam tempoh rujukan bagi setiap IR. Maklumat ini juga secara langsung memberi gambaran dan jaminan kualiti data yang tinggi.

Perkara-perkara yang **TIDAK TERMASUK** dalam perbelanjaan IR adalah seperti berikut:

- i. Perbelanjaan untuk makanan, penginapan, perjalanan dan hiburan semasa bertugas sama ada untuk perniagaan atau urusan kerajaan, perbelanjaan pakaian seragam, peralatan & kelengkapan kerja dan lain-lain untuk kegunaan pekerjaan yang dibayar oleh seorang kakitangan berkaitan dengan perniagaan majikannya dan dibayar balik oleh majikan; dan
- ii. Perkhidmatan yang diberi percuma kepada orang awam contohnya perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan di taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta awam.

6.2 Ukuran Perbelanjaan Penggunaan

Dalam menentukan nilai perbelanjaan penggunaan, tiga pendekatan biasa digunakan iaitu:

i. Pendekatan Perolehan

Nilai pembelian yang direkodkan pada masa barangan dan perkhidmatan diperolehi tanpa mengira sama ada digunakan kesemuanya atau tidak; atau dibayar sepenuhnya atau tidak dalam tempoh rujukan. Pendekatan perolehan ini juga telah dikembangkan untuk mengambil kira anggaran nilai bagi barangan tidak tahan lama daripada hasil keluaran sendiri dan barangan serta perkhidmatan yang diberi atau diterima dalam bentuk mata benda.

ii. **Pendekatan Penggunaan**

Pendekatan ini digunakan pada keadaan tertentu bagi barangan tahan lama yang mempunyai jangka hayat yang panjang (contoh: kereta, kenderaan pengguna lain atau alat pertukangan) dan penggunaan utiliti seperti air dan elektrik.

iii. **Pendekatan Pembayaran**

Pembayaran yang melibatkan bayaran pendahuluan bagi mendapatkan sesuatu barangan dan perkhidmatan yang mana barangan dan perkhidmatan tersebut belum diterima dalam bulan rujukan (contoh: bayaran pendahuluan pembelian kereta).

6.3 **Pengelasan Item Perbelanjaan**

Perbelanjaan diklasifikasikan kepada 14 kumpulan utama mengikut ***Classification of Individual Consumption According to Purpose 2018 (COICOP 2018)***, *United Nations*:

- 01 Makanan dan Minuman;
- 02 Minuman Alkohol dan Tembakau;
- 03 Pakaian dan Kasut;
- 04 Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain;
- 05 Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah;
- 06 Kesihatan;
- 07 Pengangkutan;
- 08 Maklumat dan Komunikasi;
- 09 Rekreasi, Sukan dan Kebudayaan;
- 10 Perkhidmatan Pendidikan;
- 11 Restoran dan Perkhidmatan Penginapan;
- 12 Insurans dan Perkhidmatan Kewangan;
- 13 Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan; dan
- 90 Perbelanjaan Bukan Penggunaan Isi Rumah.

Walau bagaimanapun, dalam penerbitan ini, item-item perbelanjaan penggunaan merangkumi 13 kumpulan utama (01 - 13) sahaja.

6.4 Jenis Barang

Pengelasan perbelanjaan isi rumah kepada **5 kategori** jenis barang seperti berikut:-

1 Barang Tahan Lama

Barang-barang yang mempunyai **jangka hayat** penggunaan yang **melebihi satu tahun** dan secara relatifnya **mempunyai nilai yang tinggi**, seperti motokar, peti sejuk dan televisyen.

2 Barang Semi Tahan Lama

Barang-barang yang mempunyai **jangka hayat** penggunaan selama **lebih kurang setahun** atau secara relatifnya **tidak mempunyai harga yang tinggi**, seperti pakaian, tekstil dan alat berkebun.

3 Barang Tidak Tahan Lama

Barang-barang yang mempunyai **jangka hayat** penggunaan **yang pendek** dan mempunyai harga secara relatifnya **tidak tinggi**. Contohnya ialah beras, daging, ikan, susu, buah-buahan, sayur, air minuman, petrol dan lain-lain.

4 Perkhidmatan

Perbelanjaan yang dibayar oleh IR ke atas segala perkhidmatan seperti rawatan perubatan, hiburan, rekreasi, kebudayaan, pendidikan dan lain-lain yang dibekalkan sama ada oleh kerajaan atau pun swasta; termasuk juga perbelanjaan makanan atau minuman di restoran, kafe atau hotel.

5 Lain-lain

Pembayaran dalam bentuk pindahan seperti cukai pendapatan, pencaruman keselamatan pampasan, bayaran pampasan, denda, bayaran wajib serta pemberian kepada IR lain. Pembayaran lain seperti amaun yang dilabur atau dipinjam, bayaran balik pinjaman dan tambahan kepada simpanan.

6.5 Tempat Kediaman

Tempat kediaman adalah suatu struktur yang dibina **berasingan** dan **bebas** yang lazimnya digunakan untuk tempat tinggal.

- i. **Berasingan:** Struktur dianggap sebagai berasingan jika ia dikelilingi oleh dinding, pagar atau lain-lain serta ditutupi oleh bumbung.
- ii. **Bebas:** Struktur dikatakan bebas apabila ia mempunyai jalan masuk terus dari laluan umum, tempat lalu lintas atau ruang lapang (iaitu penghuni boleh masuk atau keluar dari TK mereka tanpa melalui perkarangan orang lain).

6.6 Isi Rumah

Seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu **tempat kediaman** serta membuat peruntukan (perbelanjaan) secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

6.7 Ketua Isi Rumah

Ketua IR ditakrifkan sebagai seorang ahli biasa sama ada lelaki atau perempuan yang dianggap sebagai ketua oleh ahli IR yang lain. Ketua IR mesti seorang penerima pendapatan dan berumur 15 tahun dan ke atas.

6.8 Kumpulan Etnik

Kumpulan etnik dikategorikan di kalangan warganegara Malaysia setelah mengasingkan bukan warganegara. Pengelasan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia
 - a. Bumiputera
 - b. Cina
 - c. India
 - d. Lain-lain
- ii. Bukan warganegara Malaysia

6.9 Pekerjaan

Pekerjaan dikelaskan mengikut klasifikasi **Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020** yang berasaskan kepada International Standard Classification of Occupations (ISCO-08) tetapi ditambahbaik selaras dengan transformasi proses kerja, bidang pengkhususan suatu tugas dan kemahiran yang lebih kompleks dan dinamik. Pengelasan pekerjaan berasaskan MASCO 2020 adalah seperti berikut:

Kod 1	Pengurus
Kod 2	Profesional
Kod 3	Juruteknik dan Profesional Bersekutu
Kod 4	Pekerja Sokongan Perkeranian
Kod 5	Pekerja Perkhidmatan dan Jualan
Kod 6	Pekerja Kemahiran Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perikanan
Kod 7	Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang berkaitan
Kod 8	Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang
Kod 9	Pekerja Asas
Kod 0	Pekerjaan yang tidak dikelaskan di mana-mana

Bagi seseorang yang mempunyai lebih daripada satu pekerjaan, hanya **pekerjaan yang mengambil masa terbanyak** semasa tempoh rujukan dianggap sebagai **pekerjaan utamanya**. Jika masa bekerja bagi tiap-tiap pekerjaan itu sama, maka pekerjaan yang menghasilkan pendapatan tertinggi adalah pekerjaan utamanya. Dalam kes di mana tempoh bekerja dan pendapatannya adalah sama bagi setiap pekerjaan, pekerjaan di mana dia **telah bekerja paling lama** dianggap sebagai **pekerjaan utamanya**.

Struktur pengelasan MASCO 2020 mempunyai sembilan kumpulan utama (kod satu digit). Walau bagaimanapun, bagi maksud penjadualan HES, satu klasifikasi tambahan di peringkat satu digit telah dimasukkan iaitu "Pekerjaan yang tidak dikelaskan di mana-mana" bagi mewakili ahli IR di luar tenaga buruh dan penganggur.

6.10 Kumpulan Pendapatan Kuintil

Nilai yang diperoleh daripada hasil pembahagian data yang disusun mengikut magnitud kepada lima bahagian yang sama dipanggil kuintil. Dengan menggunakan kaedah ini, isi rumah telah disusun mengikut pendapatan dengan susunan menaik. Kuintil membahagikan isi rumah kepada lima kumpulan sama rata (dari terendah kepada tertinggi) yang mana setiap kumpulan mewakili 20% atau satu perlima daripada semua isi rumah.

6.11 Kumpulan Pendapatan Desil

Kumpulan desil pendapatan merupakan susunan yang kesepuluh dari isi rumah yang mana susunan ini disusun dari minimum ke maksimum. Kumpulan desil pertama adalah sepersepuluh yang pertama (10% daripada semua isi rumah dengan pendapatan terendah). Desil yang terakhir adalah sepersepuluh dari isi rumah dengan pendapatan tertinggi.

7. RANGKA PENSAMPELAN

7.1 Rangka yang digunakan bagi pemilihan sampel HES 2022 adalah berdasarkan Rangka Pensampelan Isi Rumah yang terdiri daripada Blok Penghitungan (BP) yang diwujudkan untuk Banci Penduduk dan Perumahan 2020 yang dikemas kini dari semasa ke semasa. BP merupakan suatu kawasan muka bumi yang diwujudkan untuk tujuan pelaksanaan operasi survei. Secara purata, setiap BP mengandungi antara 80 hingga 120 TK. Semua BP dibentuk dalam lingkungan sempadan yang diwartakan iaitu daerah pentadbiran, mukim atau kawasan pihak berkuasa tempatan.

7.2 BP dalam rangka pensampelan dikelaskan mengikut kawasan bandar dan luar bandar. Kawasan bandar ditakrif sebagaimana yang telah digunakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan 2020. Kawasan **bandar** ialah kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk seramai 10,000 orang atau lebih semasa Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Sebaliknya, kawasan yang diwartakan yang mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang dan kawasan yang tidak diwartakan dikelaskan sebagai kawasan **luar bandar**.

- 7.3 Kawasan tepu bina adalah kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan ke atas) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.
- 7.4 Definisi kawasan bandar juga mengambil kira kawasan pembangunan khusus iaitu kawasan pembangunan yang tidak diwartakan dan boleh dikenalpasti serta terpisah dari kawasan yang diwartakan atau kawasan tepu bina melebihi 5 kilometer dan mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 10,000 orang dengan 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan ke atas) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.
- 7.5 Pembandaran merupakan proses yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut kemajuan dan pembangunan. Oleh itu, kawasan bandar bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 dan 2020 tidak semestinya merujuk kepada kawasan yang sama kerana kawasan yang memenuhi kriteria bandar akan terus bertambah dan berkembang mengikut masa.
- 7.6 Klasifikasi kawasan mengikut strata yang digunakan adalah seperti berikut:

Strata	Jumlah penduduk dalam kawasan yang diwartakan, tepu bina dan kawasan pembangunan khusus
Metropolitan	75,000 dan lebih
Bandar besar	10,000 hingga 74,999
Bandar kecil	1,000 hingga 9,999
Luar bandar	Kawasan selebihnya

- 7.7 Bagi tujuan pensampelan, klasifikasi kawasan seperti di perkara 7.6 adalah digunakan untuk semua negeri serta Wilayah Persekutuan. Bagi Sabah dan Sarawak, memandangkan masalah kesukaran untuk akses ke kawasan pedalaman, strata luar bandar disesuaikan dengan *inaccessibility* dari pusat bandar terdekat.
- 7.8 Bagi tujuan penjadualan laporan, strata-strata dicantumkan seperti berikut:

Bandar = Metropolitan + Bandar besar
Luar bandar = Bandar kecil + Keseluruhan luar bandar

8. REKA BENTUK PENSAMPELAN

8.1 Reka bentuk pensampelan berstrata dua peringkat telah digunakan dalam HES 2022. Pembentukan strata adalah seperti berikut:

Strata utama	Meliputi semua negeri di Malaysia
Strata kedua	Meliputi semua daerah pentadbiran mengikut negeri di Malaysia
Strata ketiga	Meliputi bandar dan luar bandar seperti yang dinyatakan di perkara 7.8

8.2 Pemilihan sampel dilakukan pada peringkat BP dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak sistematik. Seterusnya sampel TK dipilih dari BP yang terpilih juga menggunakan kaedah sama melalui penjanaan nombor rawak dan menetapkan selang pemilihan supaya setiap TK mempunyai kebarangkalian yang sama untuk terpilih. Prosedur ini dilaksanakan secara teratur dan saintifik untuk menghasilkan sampel yang tidak pincang (*unbiased*) dan boleh mewakili keseluruhan populasi isi rumah di Malaysia.

9. SAIZ SAMPEL

9.1 Saiz sampel HES 2022 perlu mewakili populasi mengikut keperluan peringkat analisis yang ditetapkan. Saiz sampel ini telah mengambil kira elemen berikut:

- i. Penemuan daripada survei yang lepas iaitu HES 2019;
- ii. Reka bentuk pensampelan berperingkat; dan
- iii. Ralat yang disasarkan.

9.2 Prosedur penganggaran saiz sampel dikira di setiap strata daerah pentadbiran dan substrata (bandar dan luar bandar). Pengiraan saiz sampel turut mengambil kira purata perbelanjaan, aras keyakinan pada 95%, ralat piawai relatif, *design effect*, dan kadar respon yang telah ditetapkan.

9.3 Pengiraan saiz sampel bagi subpopulasi j , n_{1j} dikira menggunakan formula berikut:

$$n_{1j} = \frac{n_{0j}}{1 + \frac{n_{0j}}{N_j}} \quad ; j = 1, 2, 3, \dots, k$$

di mana:

$$n_{0j} = \frac{\sigma^2}{(RSE \times \mu)^2}$$

Bagi memenuhi andaian-andaian dalam Pensampelan Berstrata, maka faktor kesan reka bentuk ($D.E.$) diambil kira:

$$D.E. = \frac{\text{varians bagi reka bentuk kompleks}}{\text{varians bagi SRS}}$$

Saiz sampel dengan mengambil kira $D.E.$ bagi subpopulasi j , n_{2j} diberikan oleh:

$$n_{2j} = n_{1j} \times D.E.$$

Dan seterusnya, mengambil kira kadar respon penyiasatan lepas, maka saiz sampel keseluruhan bagi subpopulasi j , n_{3j} adalah seperti berikut:

$$n_{3j} = n_{2j} \times \frac{1}{\text{Kadar Respon}}$$

Maka, jumlah saiz sampel, n diberi oleh:

$$n = \sum_{j=1}^k n_{3j}$$

di mana:

- n_{0j} saiz sampel asas yang diperoleh mengambil kira ukuran populasi diketahui (FPC) bagi subpopulasi j
- n_{1j} saiz sampel yang mengambilkira faktor populasi bagi subpopulasi j
- n_{2j} saiz sampel yang mengambilkira faktor kesan rekabentuk bagi subpopulasi j
- n_{3j} saiz sampel yang mengambilkira faktor kadar respon bagi subpopulasi j
- N jumlah unit elemen dalam populasi
- n saiz sampel keseluruhan
- σ sisihan piawai
- RSE *relative standard error*
- μ purata perbelanjaan daripada survei yang lepas

9.4 Agihan saiz sampel HES 2022 adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan BP Terpilih	Bilangan TK Terpilih	Bilangan IR respon
Johor	695	5,560	5,455
Kedah	536	4,288	4,164
Kelantan	420	3,360	3,097
Melaka	214	1,712	1,590
Negeri Sembilan	287	2,296	2,157
Pahang	402	3,216	3,105
Pulau Pinang	440	3,520	3,239
Perak	628	5,024	4,911
Perlis	123	984	942
Selangor	796	6,368	6,234
Terengganu	370	2,960	2,790
Sabah	916	7,328	7,155
Sarawak	1,085	8,680	8,126
W.P. Kuala Lumpur	428	3,424	3,153
W.P. Labuan	61	488	481
W.P. Putrajaya	74	592	545
MALAYSIA	7,475	59,800	57,144

10. PENGANGGARAN

Dalam prosedur penganggaran, pemberat (*non-response weight*) digunakan untuk mengambil kira kes tidak respon. Pemberat asal (*design weight*) disesuaikan dengan mengambil kira kadar tidak respon bagi setiap domain atau strata. Sebagai contoh, sekiranya 5,000 isi rumah terpilih tetapi sebanyak 4,000 isi rumah sahaja yang respon kepada survei maka pemberat asal (*design weight*) akan disesuaikan dengan mengambil kira 20 peratus tidak respon. Sekiranya pemberat asal (*design weight*) adalah 2.0 yang memberi maksud satu sampel isi rumah mewakili dua isi rumah dalam populasi maka pemberat (*non-response weight*) akan menjadi 2.5 yang memberi maksud satu sampel isi rumah mewakili 2.5 isi rumah yang lain.

11. PENILAIAN DATA

Data yang diperoleh daripada survei atau kajian berdasarkan sampel berkebarangkalian tidak boleh dipisahkan daripada dua jenis ralat. Ralat yang dimaksudkan ialah ralat pensampelan dan ralat bukan pensampelan.

i. Ralat pensampelan

Ralat pensampelan berpunca daripada anggaran data yang terhasil daripada sampel berkebarangkalian dan boleh diukur dengan mengira Ralat Piawai Relatif, biasanya dinyatakan dalam bentuk peratusan.

Ralat ini digunakan sebagai penunjuk kepada kepersisan anggaran parameter yang dikaji, memberikan gambaran tahap variasi anggaran pembolehubah yang dianggarkan melalui penyiasatan dan parameter populasi.

Sebagai contoh, penemuan HES 2022 mendapati perbelanjaan penggunaan bulanan purata bagi Malaysia adalah RM5,150 dengan Ralat Piawai Relatif 0.4 peratus. Dalam erti kata lain, nilai Ralat Piawai adalah RM22. Berasaskan 95% selang keyakinan ($\alpha=0.05$), perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata berada dalam batasan antara RM5,106 - RM5,193 sebulan.

ii. Ralat bukan pensampelan

Ralat ini boleh berpunca daripada liputan penyiasatan yang tidak lengkap, kelemahan liputan rangka, ralat dalam maklum balas, tiada respon dan kesilapan semasa peringkat pemprosesan seperti penyuntingan, pengekodan dan tangkapan data. Untuk mengekalkan kualiti data berada pada tahap yang tinggi, pelbagai langkah pentadbiran telah dilaksanakan untuk meminimumkan **ralat bukan pensampelan** berada di tahap minimum. Langkah-langkah ini termasuk latihan intensif kepada penyelia dan penemuramah serta penyeliaan yang rapi dan semakan rawak dijalankan ke atas isi rumah yang diliputi oleh penemuramah untuk memastikan kesahihan maklumat yang direkodkan.

Bagi mengatasi kes tiada respon yang berpunca daripada beberapa sebab seperti TK kosong, tiada penghuni di rumah, enggan bekerjasama atau TK tidak layak diliputi dalam survei, maka penganggaran saiz sampel HES 2022 telah mengambil kira semua kemungkinan tersebut.

Pengemaskinian rangka pensampelan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa telah dapat mengurangkan kadar tiada respon yang berpunca daripada TK kosong. Publisiti yang meluas dilaksanakan melalui media elektronik serta media cetak bagi mengurangkan kes tiada penghuni di rumah dan enggan bekerjasama.

Selain daripada itu, di peringkat prosesan data, semakin konsistensi bagi setiap pembolehubah dan proses validasi telah dilaksanakan secara sistematik bagi meminimumkan kesemua ralat bukan pensampelan.

12. KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN DIKOMPAN

Pengiraan kadar pertumbuhan tahunan di kompaun adalah berdasarkan kepada fungsi eksponen seperti berikut:

$$CAGR = \frac{\ln\left(\frac{Y_t}{Y_0}\right)}{t} \times 100$$

di mana,

CAGR	kadar pertumbuhan tahunan di kompaun
Y_t	perbelanjaan isi rumah bulanan tahun semasa
Y_0	perbelanjaan isi rumah bulanan tahun sebelumnya
t	tempoh masa

13. PEMBUNDARAN ANGGARAN

Pengiraan bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama antara jadual disebabkan oleh pembundaran secara bebas. Walau bagaimanapun, perbezaan ini adalah tidak ketara. Peratusan yang ditunjukkan dalam jadual adalah diperoleh daripada angka sebenar dan tidak semestinya memberikan jumlah genap 100 peratus disebabkan pembundaran, walaupun jumlah yang ditunjukkan adalah 100 peratus.

14. NOTA DAN SIMBOL

0.0 Kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan. Misalnya, kurang daripada 0.05 peratus

- Tiada/ kosong/ tiada kes

W.P. Wilayah Persekutuan

RM Ringgit Malaysia

n.a Tidak berkenaan

n.e.c. Tidak dikelaskan di tempat lain

1. INTRODUCTION

The statistics released in this report are the findings of the Household Expenditure Survey (HES) 2022 which is conducted by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). Starting in 2016, this survey will be carried out twice in five years. This report provides the statistics regarding the expenditures of overall households in Malaysia. These technical notes contain the detailed descriptions to facilitate users with better understanding of HES 2022.

2. OBJECTIVE OF SURVEY

The main objectives of the survey are as follows:

- i. To collect information on the level and pattern of consumption expenditure by Households (HH) on varieties of goods and services;*
- ii. As the basis to determine the types of goods and services to be included in the basket of the Consumer Price Index (CPI); and*
- iii. To update the CPI weights where the CPI is a measure of the average rate of change in prices of a fixed basket of goods and services which represent the expenditure pattern of all HH in Malaysia.*

3. METHOD OF DATA COLLECTION

- 3.1 HES uses the personal interview method using the questionnaire form to obtain information from respondents. During the survey period, trained interviewers will visit households in selected Living Quarters (LQs) to collect demographic information on all household members and detailed information on income and expenditure by classification of goods and services.*
- 3.2 Quality checks were done by experienced officers from the DOSM State office to detect and correct any possibility of errors or omissions at the time when the survey was conducted. The review processes were also implemented for selected HH to ensure the quality of the data collected.*

4. REFERENCE PERIOD

Household expenditure data were collected over two reference periods. The first reference period of one month referred to the daily expenditure incurred by the HH from the first until the last day of the month.

The second reference period was for items of infrequent expenditure items such as consumer durables and selected items, and covered the past 11 months.

For example, if the month of survey is December 2022, then the reference period of HH for one month is calculated from 1st December 2022 until 31st December 2022, while the second reference period is from 1st January 2022 until 30st November 2022.

5. SCOPE AND COVERAGE

- 5.1 The selection of the sample for this survey has taken into consideration both urban and rural areas in administrative districts for all states in Malaysia.
- 5.2 The coverage of the survey is limited to HH living in private LQs only, **excluding** those who are living in residential institutions such as hostels, hotels, hospitals, old folk's, prisons, welfare homes, lodging houses and workers who live in shared houses.

6. CONCEPTS AND DEFINITIONS

6.1 Household Expenditure

The definition of household expenditure used is based on the concepts and guidelines System of National Accounts, 2008 by United Nations and Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013 by Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). This expenditure can be divided into two types, namely **consumption expenditure** and **non-consumption expenditure**.

i. Household consumption expenditure

Household consumption expenditure is the expenditure for private consumption on goods and services during the reference period. These expenditure include:

- *All expenditure either in cash or credit by HH members on goods and services for personal use. This type of expenditure also includes taxes paid for goods and services;*
- *All goods, services and facilities received in kind, whether free or concession is considered as expenditure. For example, free or concession food and lodging.*
- *The value from food and lodging is calculated as the expenditure to the respective HH;*
- *Goods for own consumption. For instance, vegetables taken from own farm or goods from own shop consumed by HH were imputed at retail prices. The imputed prices were regarded as expenditure for the HH; and*
